



JPJ laksana pembayaran pembaharuan lesen memandu, cukai jalan dalam MyJPJ

Oleh Zuhainy Zulkiffli - Ogos 5, 2023 @ 3:47pm
bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Kementerian Pengangkutan dalam proses membolehkan orang ramai memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan secara dalam talian menerusi aplikasi MyJPJ.

Menterinya, Anthony Loke, berkata ia bagi memudahkan orang ramai membuat pembaharuan lesen dan cukai jalan yang mana sistem berkenaan dalam peringkat ujian.

Beliau berkata pelaksanaan sistem bayaran baharu itu dijangka beberapa bulan lagi.

"Kini kita sedang melakukan beberapa ujian membabitkan sistem itu supaya ia tidak akan menimbulkan kesulitan kepada orang ramai serta menampung kapasiti pengunjung apabila dilancarkan.

"Kita akan laksanakan sistem ini mungkin dalam beberapa bulan lagi kerana objektif kita dalam konsep pendigitalan JPJ adalah bagi mengurangkan kesesakan di pejabat dan kaunter JPJ," katanya kepada media di Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang di Jalan Lim Lean Teng, di sini.

Mengulas lanjut Anthony Loke berkata, pihaknya masih memberi pilihan kepada orang ramai bagi memperbaharui lesen serta cukai jalan menerusi dalam talian (digital) atau fizikal kerana masih ramai yang belum dapat menyesuaikan diri menggunakan aplikasi MyJPJ bagi tujuan itu.

"Saya faham ini (pendigital JPJ) sudah tentu mengambil masa," katanya lagi.

Menerusi laporan media sebelum ini, Anthony berkata, setakat ini hanya 30 peratus pemilik kenderaan yang memilih menggunakan cukai jalan digital menerusi aplikasi MyJPJ.

Dalam perkembangan lain, Anthony terdahulu hadir pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Bangunan Baharu Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang, di sini.

Bangunan baharu yang dijangka membabitkan kos sehingga RM70 juta itu mampu memuatkan sehingga 3,000 penuntut lagi apabila siap pada tahun 2025.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying; Timbalan Menteri Kewangan Steven Sim dan calon PH bagi DUN Air Putih, Lim Guan Eng.